



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Lembaga Peperiksaan


**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

# FORMAT PENTAKSIRAN

**MULAI TAHUN 2021**

**BAHASA MELAYU  
( KOD: 1103 )**

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH (KSSM)**



## KATA PENGANTAR

Lembaga Peperiksaan (LP), Kementerian Pendidikan Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk menggubal dasar-dasar pentaksiran, peperiksaan dan pengujian pendidikan berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan matlamat kurikulum. Sehubungan dengan itu, perekaan bentuk format pentaksiran baharu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dilaksanakan oleh LP sebaik sahaja Kementerian Pendidikan Malaysia meluluskan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan Empat dan Lima mulai tahun 2020. Perekaan bentuk tersebut dilaksanakan **dalam lima fasa** utama iaitu pengkonsepsian, penentuan instrumen, pembinaan instrumen, kajian kesesuaian instrumen dan pemurnian serta penyediaan dokumen pentaksiran. Hal yang demikian bertujuan untuk memastikan agar kualiti pentaksiran dan peperiksaan kebangsaan mempunyai suatu standard atau piawai. Perekaan bentuk ini melibatkan semua mata pelajaran, termasuklah **mata pelajaran Bahasa Melayu** yang merupakan **mata pelajaran teras** pada peringkat SPM.

Dalam perekaan bentuk format pentaksiran, aspek penjajaran dengan kurikulum sangat diberikan keutamaan. Oleh sebab itu, format pentaksiran direka bentuk berdasarkan matlamat, objektif dan kandungan kurikulum standard seperti terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran(DSKP). Prinsip-prinsip asas pentaksiran terutama aspek kesahan, kebolehpercayaan, kebolehlaksanaan dan penjaminan kualiti juga amat dititikberatkan. Pentaksiran turut memberikan fokus khusus kepada pencapaian objektif mata pelajaran dan aspek-aspek yang ditaksir, iaitu bidang pengetahuan, kemahiran dan nilai di samping memastikan keseluruhan pentaksiran mempunyai kerelevanan dan kecukupcukupan dari aspek standard kandungan dan standard pembelajaran. Melalui perekaan bentuk, LP berjaya menghasilkan format pentaksiran bagi mata pelajaran tersebut. Format pentaksiran ini telah diluluskan pada 21 Februari 2020 oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan (MJKK) dan digunakan sepenuhnya dalam SPM mulai tahun 2021.

Buku format pentaksiran ini diterbitkan dengan hasrat untuk mendekatkan pentaksiran dengan masyarakat, terutama semua guru, ibu bapa, murid dan calon peperiksaan. Harapan LP agar semua maklumat yang terkandung dalam buku ini dapat memberikan huraian yang jelas tentang perkara, cara dan bentuk pentaksiran dapat dilaksanakan. Usaha murni ini sangat penting untuk memberikan keadilan kepada semua calon yang menduduki peperiksaan dan menjaga kewibawaan institusi LP. LP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam perekaan bentuk dan penghasilan format pentaksiran ini. Semoga pelaksanaan format pentaksiran ini akan dapat mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan serta mendukung Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

**DATO' HJ PKHARUDDIN BIN HJ GHAZALI**

Pengarah Peperiksaan  
Lembaga Peperiksaan  
Kementerian Pendidikan Malaysia



TERHAD

## ISI KANDUNGAN

1.0	Pengenalan	4
2.0	Asas Pertimbangan Dalam Pentaksiran	4
3.0	Punca Kuasa	6
4.0	Matlamat Mata Pelajaran	6
5.0	Objektif Mata Pelajaran (OM) Bahasa Melayu	7
6.0	Objektif Pentaksiran (OP) Bahasa Melayu	8
7.0	Konstruk dan Aspek Yang Ditaksir	9
8.0	Aras Kesukaran Item	11
9.0	Format Pentaksiran	11
10.0	Contoh Item	15
11.0	Lampiran 1	16
12.0	Lampiran 2	23
13.0	Lampiran 3	40
14.0	Lampiran 4	49



## 1.0 PENGENALAN

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang telah dilaksanakan sejak tahun 1989 bagi memenuhi hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Selaras dengan perubahan itu, Lembaga Peperiksaan telah mengadakan perekaan bentuk format pentaksiran berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Seterusnya, perekaan bentuk format pentaksiran menjadi asas kepada pembinaan instrumen pentaksiran.

## 2.0 ASAS PERTIMBANGAN DALAM PENTAKSIRAN

Beberapa prinsip yang menjadi asas pertimbangan dalam proses perekaan bentuk format pentaksiran Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ialah:

### 2.1 KESAHAN

Kesahan merujuk ciri skor ujian dan melibatkan dua perkara, iaitu kerelevanan dan kecukupcukupan. Perekaan bentuk instrumen pentaksiran ini telah memastikan semua konstruk (perkara yang ditaksir) dijelmakan berdasarkan objektif mata pelajaran. Item-item yang dikemukakan adalah akur dengan kurikulum standard dan spesifikasi ujian serta mempunyai kesesuaian dari segi kumpulan sasaran, aras kesukaran, konteks dan situasi. Kandungan instrumen pentaksiran mencakupi semua aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperoleh dalam pendidikan mata pelajaran berkenaan, seperti yang dihasratkan oleh kurikulum standard.

### 2.2 KEBOLEHPERCAYAAN

Kebolehpercayaan merujuk ciri skor ujian dan melibatkan dua perkara iaitu ketekalan dan ketepatan. Di peringkat pembinaan, satu spesifikasi ujian direka bentuk bagi setiap instrumen pentaksiran untuk dijadikan piawaian. Hal ini adalah untuk memastikan ketepatan, kesetaraan dan ketekalan instrumen pentaksiran yang dihasilkan setiap tahun. Analisis data peperiksaan juga dapat menunjukkan tahap kebolehpercayaan sesuatu instrumen pengukuran.



### 2.3 **KEOBJEKTIFAN**

Keobjektifan merujuk kejelasan fungsi setiap instrumen yang dibina. Setiap instrumen pentaksiran dibina dengan tujuan khusus mengikut spesifikasi ujian tertentu. Jadual Spesifikasi Ujian berfungsi mengawal kefungisian instrumen yang dibina. Setiap pembina harus jelas dengan kehendak setiap instrumen pentaksiran yang dibina. Antaranya, konstruk yang ditaksir dan inferens boleh dibuat daripada skor yang akan diperoleh.

Dalam item berbentuk subjektif, keobjektifan juga merujuk ketepatan seseorang pemeriksa memeriksa skrip jawapan atau ketepatan seseorang pentaksir memberikan skor calon. Dalam konteks ini, ciri keobjektifan pemberian markah atau skor boleh dipertingkatkan dengan menyediakan skema penskoran yang objektif serta markah atau skor yang diselaraskan melalui mesyuarat penyelarasan. Hal ini dapat mengurangkan perselisihan dalam pemberian markah atau skor dalam kalangan pemeriksa atau pentaksir bagi menjamin kebolehpercayaan skor.

### 2.4 **KEBOLEHTADBIRAN**

Kebolehtadbiran merujuk kebolehlaksanaan sesuatu program pentaksiran dari segi kos, masa dan personel sama ada program berpusat atau pentaksiran berasaskan sekolah.

### 2.5 **KEMUDAHTAFSIRAN**

Kemudahtafsiran merujuk keupayaan skor daripada proses pentaksiran dalam memberikan maklumat tentang seseorang murid dalam perkara yang ditaksir. Skor yang baik berupaya untuk mendiskriminasikan murid yang mempunyai kepelbagaian keupayaan. Di samping itu, kemudahtafsiran dapat memberi sebab serta tujuan sesuatu ujian dan pentaksiran itu diadakan.



## 2.6 KEKOMPREHENSIFAN

Kekomprehensifan sesuatu ujian atau pentaksiran merujuk sejauh mana sesuatu ujian itu mengandungi item yang mewakili semua objektif yang penting dalam kurikulum. Jelasnya, prinsip-prinsip pentaksiran yang dinyatakan itu merupakan landasan penting dalam menjalankan pentaksiran. Justeru, mereka yang terlibat dengan proses pentaksiran dalam pendidikan sewajarnya akur prinsip-prinsip pentaksiran yang telah ditetapkan itu agar matlamat dan objektif pentaksiran dapat dicapai dengan jayanya.

## 3.0 PUNCA KUASA

Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan format pentaksiran bagi mata pelajaran **Bahasa Melayu SPM** mulai tahun 2021. Format tersebut telah dibentangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Bil. 1/2020 pada 21 Februari 2020.

## 4.0 MATLAMAT MATA PELAJARAN

Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan boleh berkomunikasi bagi memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan seharian.



## 5.0 OBJEKTIF MATA PELAJARAN (OM) BAHASA MELAYU

Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut:

- OM1:** Mendengar dan memahami perkataan, rangkai kata, istilah, ungkapan ayat, pernyataan dan maklumat dalam pelbagai ujaran dan wacana dengan memberikan respons yang betul dan tepat.
- OM2:** Bertutur, berbicara, bersoal jawab, berbincang, berunding menyampaikan maklumat dan mengulas sesuatu perkara dalam pelbagai situasi dengan pengucapan fasih, kritis dan bertatasusila.
- OM3:** Membaca dan menggunakan pelbagai strategi dan teknik bacaan untuk memahami, menaakul, menganalisis dan menilai maklumat bahan prosa, puisi dan grafik dengan kritis, reflektif, betul dan tepat.
- OM4:** Membaca untuk meningkatkan kelancaran bacaan, perbendaharaan kata, pengetahuan dan pemikiran, serta mengukuhkan penghayatan terhadap bahan sastera dan bukan sastera.
- OM5:** Membaca, memahami dan menggunakan perkataan, rangkai kata, istilah, ungkapan, peribahasa dan bahasa kiasan dalam komunikasi dan penulisan dengan betul dan kreatif.
- OM6:** Menulis untuk melengkapkan, menerangkan, meringkaskan, merumus, mengolah, mengulas dan mengedit maklumat daripada pelbagai sumber.
- OM7:** Menghasilkan pelbagai bentuk penulisan dan grafik untuk melahirkan idea dengan tersusun menggunakan bahasa dengan betul, gramatis dan menarik.
- OM8:** Menghasilkan dan mempersembahkan karya prosa, puisi dan seni bahasa yang lain secara kreatif dan berkesan.
- OM9:** Memahami dan menggunakan tatabahasa bagi tujuan lisan dan penulisan dengan betul dan tepat mengikut konteks.
- OM10:** Menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik dan kewarganegaraan melalui aktiviti berbahasa.

**Sumber: Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Bahasa Melayu  
Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)  
Tingkatan 4 dan 5, September 2018,  
Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia**



## 6.0 OBJEKTIF PENTAKSIRAN (OP) BAHASA MELAYU

Objektif pentaksiran berdasarkan matlamat dan objektif mata pelajaran Bahasa Melayu adalah untuk mentaksir pencapaian murid dalam keupayaan untuk;

**OP1: mendengar secara intensif, memahami dan memberikan respons** dengan menggunakan bahasa yang betul dan tepat untuk pelbagai tujuan.

**OP2: bertutur dalam perbincangan dan bersoal jawab** serta **menghuraikan** idea dalam pelbagai laras bahasa dan situasi secara fasih, bermakna dan bertatasusila.

**OP3: membaca, memahami, menaakul dan menilai** maklumat daripada pelbagai sumber atau bahan secara berkesan terhadap bahan sastera dan bukan sastera.

**OP4: menggunakan maklumat** daripada pelbagai sumber atau bahan yang dibaca untuk **menyelesaikan masalah** dan **membuat keputusan** yang tepat dan kreatif.

**OP5: menulis, memberikan respons positif dan menyampaikan idea** terhadap maklumat yang terdapat dalam pelbagai sumber atau bahan dengan menggunakan **teknik** dan **gaya bahasa** yang berkesan.

**OP6: melahirkan idea dan pendapat** dalam pelbagai bentuk penulisan dengan menggunakan aspek kebahasaan, keindahan dan kehalusan bahasa secara kritis dan kreatif.

**OP7: mengetahui, memahami dan menggunakan** tatabahasa Bahasa Melayu dalam **komunikasi** dan **interaksi** dengan betul dan tepat dalam pelbagai tujuan dan isu.





## 7.0 KONSTRUK DAN ASPEK YANG DITAKSIR

### 7.1 Konstruk yang ditaksir

#### 7.1.1 Kemahiran menulis

- Mengaplikasi
- Menganalisis
- Menilai
- Mencipta

#### 7.1.2 Kemahiran membaca

- Memahami
- Mengaplikasi
- Menganalisis
- Menilai
- Mencipta

#### 7.1.3 Kemahiran bertutur

- Memahami
- Mengaplikasi
- Menganalisis
- Menilai

#### 7.1.4 Kemahiran mendengar

- Memahami
- Mengaplikasi
- Menganalisis

#### 7.1.5 Pengetahuan sistem bahasa

#### 7.1.6 Nilai



## 7.2 Aspek yang ditaksir

### 7.2.1 Pengetahuan sistem bahasa

- Tatabahasa
- Morfologi
- Sintaksis
- Kosa kata
- Peribahasa

### 7.2.2 Kemahiran

#### (i) Kemahiran Lisan

##### (a) Kemahiran Mendengar

- Kemahiran bahasa dan aplikasi maklumat yang didengar.
- Memberikan jawapan yang betul berdasarkan bahan yang didengar.

##### (b) Kemahiran Bertutur

- Tatabahasa dan Kosa Kata
- Sebutan, Intonasi dan Nada
- Fasih dan Bertatasusila
- Idea dan Bermakna

##### (c) Penggunaan Aspek Kebahasaan

- Kemahiran Membaca
- Kemahiran Menulis
- Aspek Seni Bahasa
- Aspek Tatabahasa

#### (ii) Membaca dan Memahami

- Mengenal pasti maklumat (pemahaman bahan)
- Menyatakan maksud rangkai kata
- Membuat interpretasi
- Membuat refleksi dan penilaian berdasarkan teks
- Membuat hubungan keit dan penilaian



**(iii) Menulis**

- Melahirkan idea
- Aplikasi bahasa (mencipta)
- Kreatif dan apresiasi bahasa
- Wacana yang lengkap

**7.2.3 Nilai**

**8.0 ARAS KESUKARAN ITEM**

Item yang dibina mestilah menepati aras kesukaran yang dihasratkan, iaitu sama ada aras kesukaran rendah (R), sederhana (S) atau tinggi (T).

**8.1 Aras R**

Item yang mempunyai aras kesukaran rendah, boleh dijawab oleh lebih 60% calon.

**8.2 Aras S**

Item yang mempunyai aras kesukaran sederhana, boleh dijawab oleh 40% - 60% calon.

**8.3 Aras T**

Item yang mempunyai aras kesukaran tinggi, boleh dijawab oleh kurang 40% calon.

**9.0 FORMAT PENTAKSIRAN**

**9.1 Pentaksiran mata pelajaran Bahasa Melayu menggunakan empat instrumen iaitu;**

9.1.1 1103/1 – Bahasa Melayu Kertas 1 (Kemahiran Menulis)

9.1.2 1103/2 – Bahasa Melayu Kertas 2 (Kemahiran Membaca)

9.1.3 1103/3 – Bahasa Melayu Kertas 3 (Kemahiran Bertutur)

9.1.4 1103/4 – Bahasa Melayu Kertas 4 (Kemahiran Mendengar)



**9.2 FORMAT INSTRUMEN PEPERIKSAAN SPM MULAI TAHUN 2021  
MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU (1103)**

Bil	Perkara	Kertas 1 (1103/1)	Kertas 2 (1103/2)	Kertas 3 (1103/3)	Kertas 4 (1103/4)
1	<b>Jenis Instrumen</b>	Ujian Bertulis	Ujian Bertulis	Ujian Bertutur	Ujian Mendengar
2	<b>Jenis Item</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Subjektif Respons Terhadap</li> <li>• Subjektif Respons Terbuka</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Subjektif Respons Terhadap</li> <li>• Subjektif Respons Terbuka</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Subjektif Respons Terhadap</li> <li>• Subjektif Respons Terbuka</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Objektif Aneka Pilihan</li> <li>• Objektif Pelbagai Bentuk</li> <li>• Subjektif Respons Terhadap</li> </ul>
3	<b>Bilangan Soalan</b>	<p><b>Bahagian A</b></p> <p>Satu (1) soalan berdasarkan kombinasi kepelbagaian bahan rangsangan</p> <p>Jawab 1 soalan</p>	<p><b>Bahagian A – Sistem dan Aplikasi Bahasa</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Morfologi</li> <li>2. Sintaksis</li> <li>3. Penyuntingan</li> <li>4. Bahasa Melayu Standard                             <ul style="list-style-type: none"> <li>• menukarkan bahan teks klasik/lama kepada Bahasa Melayu Moden/Standard</li> </ul> </li> <li>5. Peribahasa</li> </ol>	<p><b>Bahagian A – Individu</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 petikan/bahan rangsangan yang disediakan untuk setiap calon</li> <li>• Bersoal jawab dengan pentaksir</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 4 – 6 petikan</li> <li>• Instrumen mengandungi 20 hingga 25 soalan (Jawab <b>semua</b> soalan)</li> <li>• Jawapan berdasarkan petikan.</li> </ul>

3	<b>Bilangan soalan</b>	<p><b>Bahagian B</b></p> <p>Empat (4) soalan esei.</p> <p>Pilih dan jawab <b>satu</b> daripada empat soalan</p> <p>Jumlah soalan : 5 Soalan</p>	<p><b>Bahagian B – Pemahaman</b></p> <p><b>Soalan 6 dan 7</b> berdasarkan petikan bahan prosa dan bukan prosa</p> <p>(Umum / Drama / Cerpen / Prosa Tradisional / Puisi Tradisional / Sajak)</p> <p><b>Soalan 8</b> berdasarkan novel tingkatan 4 dan 5</p> <p><b>Bahagian C – Rumusan</b></p> <p><b>Soalan 9</b> menulis rumusan</p> <p>Jumlah soalan : <b>9 soalan</b></p>	<p><b>Bahagian B – Kumpulan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● 1 tajuk/tema umum disediakan untuk perbincangan</li> <li>● Perbincangan dalam kumpulan 3 – 5 orang calon</li> </ul>	
4	<b>Jumlah Markah</b>	<b>100 markah</b>	<b>100 markah</b>	<b>70 markah</b>	<b>30 markah</b>
5	<b>Wajaran</b>				
6	<b>Konstruk</b>	<p>Kemahiran menulis</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengaplikasi</li> <li>• Menganalisis</li> <li>• Menilai</li> <li>• Mencipta</li> </ul>	<p>Kemahiran membaca</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memahami</li> <li>• Mengaplikasi</li> <li>• Menganalisis</li> <li>• Menilai</li> <li>• Mencipta</li> </ul>	<p>Kemahiran mendengar dan bertutur</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memahami</li> <li>• Mengaplikasi</li> <li>• Menganalisis</li> <li>• Menilai</li> </ul>	<p>Kemahiran mendengar</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memahami</li> <li>• Mengaplikasi</li> <li>• Menganalisis</li> </ul>
		Pengetahuan sistem bahasa			
		Nilai			

7	<b>Tempoh Ujian</b>	2 jam	2 jam 30 minit	<b>Individu:</b> 3 hingga 5 minit  <b>Kumpulan:</b> 12 hingga 15 minit	30 minit
8	<b>Cakupan Konteks</b>	Mencakupi semua standard kandungan dan standard pembelajaran yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)			
9	<b>Aras Kesukaran</b>	<b>Rendah:Sederhana:Tinggi</b> <b>5:3:2</b>			
10	<b>Kaedah Penskoran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Holistik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Analitik</li> <li>● Holistik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Analitik</li> <li>● Holistik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Dikotomus</li> <li>● Analitik</li> </ul>
11	<b>Alatan Tambahan</b>	Tiada	Tiada	Tiada	<ul style="list-style-type: none"> <li>● DVD/ CD Rakaman /Audio</li> <li>● Pemain DVD/CD/Laptop</li> </ul>

## 10.0 CONTOH ITEM

- 10.1** Contoh item ialah item yang telah disediakan untuk memberikan idea kepada pengguna tentang kepelbagaian konstruk, konteks dan aras yang ditaburkan pada keseluruhan kertas peperiksaan berdasarkan piawaian spesifikasi ujian. **Rujuk Lampiran 1, 2, 3 dan 4.**
- 10.2** Pembinaan instrumen bagi setiap tahun berdasarkan satu spesifikasi ujian yang piawai. Wajaran konstruk dan aras kesukaran mengikut spesifikasi ujian tersebut tetapi boleh diukur pada konteks yang berbeza.

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
MULAI TAHUN 2021**

**BAHASA MELAYU  
(1103)**

**CONTOH-CONTOH ITEM**

**1103/1 – BAHASA MELAYU KERTAS 1**





**CONTOH ITEM BAHAGIAN A**  
**[30 Markah]**


**CONTOH 1**

*Maklumat di bawah berkaitan dengan amalan membaca.*

*Huraikan pendapat anda tentang **amalan membaca**.*

*Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.*

<p>Mekar angkana pandang tak jemu,          bunganya luruh ke dalam raga;          buku laksana lantaran ilmu,          dasarnya penuh mutiara berharga.</p> <p>Anak muda pulang ke desa,          ibu dan ayah lama menanti;          warga membaca tak buang masa,          khutub khanah teman sejati.</p> <p style="text-align: right;"><i>Pantun Mari Membaca</i>  <i>Sumber : Internet</i></p>	<p>Semua pihak haruslah berganding bahu untuk memupuk minat membaca dalam diri masyarakat dan tidak melepaskan tanggungjawab itu kepada pihak kerajaan semata-mata. Sebagai rakyat Malaysia pula, kita seharusnya turut mempunyai inisiatif dalam mengubah diri bagi memupuk minat membaca dalam diri kita sendiri.</p> <p style="text-align: right;"><i>Sumber : Internet</i></p>
--	--



**CONTOH 2**

Gambar dan maklumat di bawah menunjukkan masalah kutipan sampah yang dihadapi oleh penduduk di kawasan tempat tinggal anda.

Sebagai seorang penduduk yang prihatin, tulis sepucuk surat kepada pihak berkuasa tempatan untuk mengadukan masalah yang dihadapi oleh penduduk di kawasan tempat tinggal anda tentang masalah sampah sarap yang sering tidak dikutip dan cadangkan tindakan yang perlu diambil.

Panjangnya surat anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

**MASALAH KUTIPAN SAMPAH**



**CONTOH 3**

*Iklan-iklan di bawah menunjukkan sebahagian daripada iklan kerja kosong.*

*Berdasarkan iklan-iklan yang diberikan, sediakan resume diri anda yang lengkap bagi permohonan satu pekerjaan yang anda minati.*

*Panjangnya resume anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

**SPM**  
**JAWATAN KOSONG**  
**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN MALAYSIA**  
**1. PEMBANTU AM PEJABAT**  
**(50 KEKOSONGAN)**  
**TARIKH TUTUP 11 APRIL 2017**  
**INFO JAWATAN SELANJUTNYA SILA LAYARI :**  
<http://myjobelist.blogspot.com>

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**  
**PELUANG KERJAYA DALAM PERKHIDMATAN AWAM**  
 Kami mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut: (i) Mempunyai keterampilan yang baik; (ii) Mempunyai semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan; (iii) Mempunyai bakat kepimpinan; (iv) Mempunyai ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan (v) Mempunyai kelayakan/profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.  
**SPM/SKM**  
**( KUMPULAN PELAKSANA )**  
 » Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N19  
 (Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia)  
 - 104 kekosongan  
 Calon-calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas tidak perlu mendaftar semula. Namun demikian, sila pastikan pendaftaran permohonan masih dalam tempoh sah laku iaitu dalam tempoh setahun daripada tarikh mendaftar. Tarikh tutup permohonan baharu bagi jawatan ini adalah sebelum atau pada 04 November(Ahad) pukul 11.59 malam.  
**MOHONLAH SECARA DALAM TALIAN DI PORTAL SPA :**  
<http://www.spa.gov.my>  
 Maklumat mengenai syarat lantikan/gaji/tugas-tugas jawatan di atas boleh diperolehi melalui  
<http://www.spa.gov.my/web/guest/deskripsi-tugas/spm-sjil/3231>

**JAWATAN KOSONG!**  
 GURU PRASEKOLAH / GURU TADIKA /  
 PEMBANTU GURU / GURU KAFA

**CARA MOHON**

1. TEKAN PAUTAN DI BAWAH
2. TEKAN BUTANG MOHON
3. LOG MASUK MELALUI FACEBOOK
4. ISI BORANG PERMOHONAN
5. TUNGGU PANGGILAN TEMUDUGA

**GURU PRASEKOLAH**

- KELAYAKAN : SPM /DIPLOMA
- GAJI : RM 1,000 – RM 2,500

**PEMBANTU GURU TADIKA**

- KELAYAKAN : SPM
- GAJI : RM 1,000 – RM 1,500

**GURU TADIKA**

- KELAYAKAN : SPM
- GAJI : RM 1,200 – RM 2,000

**GURU KAFA**

- KELAYAKAN : SPM
- GAJI : RM 1,200 – RM 2,000

LAYARI LAMAN WEB RASMI : [WWW.KERJAYAHARIAN.COM](http://WWW.KERJAYAHARIAN.COM)

CONTOH 4

Baca kedua-dua e-mel di bawah dengan teliti.

Anda dikehendaki menjawab satu daripada e-mel di bawah. Tulis e-mel anda itu selengkapnya.

Panjangnya e-mel anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

e-mel 1

Daripada:	amira_afandi@qoomail.com
Kepada:	edri_raihan@qoomail.com
Subjek:	Hobi Baharu

Salam hormat Edri,

Apa khabar? Maaf kerana sudah lama saya tidak menghantar e-mel kepada awak.

Sebenarnya, peperiksaan pertengahan tahun baru sahaja berakhir. Saya berasa lega kerana sekarang saya dapat berehat sepenuhnya. Namun, saya ingin mencari hobi-hobi baharu yang dapat saya lakukan agar saya dapat meluangkan masa dengan sebaik-baiknya pada cuti sekolah yang akan datang.

Saya tahu bahawa awak ada beberapa hobi yang menarik. Bolehkah awak berkongsi tentang hobi-hobi tersebut dan manfaat-manfaat yang dapat saya raih daripadanya?

Saya menantikan respons daripada awak.

Sahabatmu

Amira

e-mel 2

Send Attach Save Draft Spelling Cancel

Daripada:	hana@e-mel.com	Show BCC
Kepada:	soffiya@e-warkah.com	
Subjek:	Aktiviti Bersama Jiran	Plain Text

Arial 12 B I U T P - = Hide Stationery

Soffiya

Apa khabar awak di sana? Saya harap awak dan keluarga sihat-sihat belaka. Semenjak saya berpindah ke rumah baru dua bulan yang lepas, kita jarang bertemu. Kita tidak lagi pergi ke sekolah bersama-sama. Di sekolah pun, susah betul untuk berjumpa kerana masing-masing sibuk dengan kegiatan di sekolah. Saya rindukan awak.

Soffiya, saya ingin berkongsi sesuatu dengan awak. Saya mempunyai seorang jiran yang jarang sekali berkomunikasi dengan jiran tetangga. Dia kelihatan seperti orang yang baik. Kemungkinan dia memang pendiam dan pemalu orangnya. Maka itu, saya ingin cuba mendekati jiran saya ini. Saya bercadang untuk mengajaknya melakukan beberapa aktiviti supaya boleh mengeratkan hubungan kejiwaan antara kami. Saya rasa dia seusia dengan saya. Bolehkah awak memberi beberapa saranan tentang aktiviti yang boleh kami lakukan? Apa pula manfaat aktiviti-aktiviti tersebut?

Saya akan menantikan balasan e-mel daripada awak. Saya dahulukan dengan ucapan terima kasih atas saranan-saranan awak itu. Sehingga kita bertemu di sekolah nanti.

Yang benar  
Hana

**CONTOH ITEM BAHAGIAN B**  
**[70 markah]**

**CONTOH ITEM DOMAIN AWAM**

Setiap rakyat Malaysia secara purata membuang 0.8 kilogram sampah setiap hari. Jumlah ini cukup untuk memenuhi Menara Berkembar Kuala Lumpur (KLCC) dalam jangka masa sembilan hari setengah sahaja. Aktiviti kitar semula dikenal pasti sebagai salah satu cara paling berkesan untuk mengurangkan sampah sisa pepejal. Namun demikian, dikatakan tahap kesedaran masyarakat terhadap amalan kitar semula masih rendah.

Sumber: *Utusan Online*, 16 Januari 2018

Petikan akhbar di atas menyatakan bahawa aktiviti kitar semula merupakan kaedah terbaik untuk mengurangkan sampah sisa pepejal. Pelbagai usaha perlu dilakukan untuk menggalakkan masyarakat mengamalkan kitar semula kerana kesedaran terhadap amalan tersebut masih rendah. Sehubungan dengan itu, anda dikehendaki menulis sebuah rencana bagi menggalakkan masyarakat mengamalkan kitar semula. Tajuk rencana tersebut ialah ‘Usaha-usaha Menggalakkan Amalan Kitar Semula’.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

**CONTOH ITEM DOMAIN PERIBADI**

*“Berdasarkan pemerhatian saya, sikap orang ramai masih belum berubah kerana sifat-sifat yang baik seperti belas ihsan, sopan santun, sabar, merendah diri, toleransi dan hormat- menghormati belum menjadi cara hidup kita. Lebih banyak lagi perlu dilakukan untuk menyemai nilai-nilai murni ini dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya generasi muda.”*

Dipetik daripada ucapan  
 Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye  
*Utusan Malaysia* 12 Julai 2018

Sebagai respons terhadap kandungan ucapan di atas, setiap individu perlu memainkan peranan untuk menyemai nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat.

Jelaskan peranan-peranan tersebut.



## CONTOH ITEM DOMAIN PENDIDIKAN

Pada masa ini, mata pelajaran Sejarah bukanlah satu mata pelajaran yang asing kepada murid-murid. Sejak sekolah rendah, murid sudah mula berkenalan dengan mata pelajaran Sejarah. Menyedari kepentingan mata pelajaran Sejarah kepada generasi muda, maka mata pelajaran tersebut dijadikan mata pelajaran wajib lulus bagi semua calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun 2013.

Sumber : Internet

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan mata pelajaran Sejarah dan kepentingan mempelajarinya.

Bincangkan kepentingan-kepentingan mempelajari mata pelajaran Sejarah.

## CONTOH ITEM DOMAIN KERJAYA

Perkembangan pesat sektor pertanian di Malaysia boleh dikaitkan dengan alam semula jadi, iaitu mempunyai tanah yang kaya dengan mineral, corak taburan hujan yang baik dan bekalan air yang mencukupi untuk pertumbuhan tanaman. Kini produk pertanian Malaysia tidak terhad kepada hasil ladang seperti sawit, getah dan koko yang menjadi komoditi besar negara.

Sumber : BH Online, Sabtu, 7 Julai 2017

Petikan akhbar menerangkan bahawa Malaysia merupakan negara yang sesuai untuk aktiviti pertanian. Walaupun sektor ini boleh menjamin masa depan akan tetapi kerjaya dalam sektor pertanian dikatakan kurang diminati oleh generasi muda.

Huraikan usaha-usaha yang seharusnya dilakukan untuk menarik minat generasi muda menceburkan diri dalam bidang pertanian.

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
MULAI TAHUN 2021**

**BAHASA MELAYU  
(1103)**

**CONTOH-CONTOH ITEM**

**1103/2 – BAHASA MELAYU KERTAS 2**



**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**  
**[35 Markah]**

**CONTOH ITEM : MORFOLOGI**

**CONTOH 1**

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata kerja** dan **dua kata adjektif**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Penekanan inovasi dalam kalangan murid pendidikan khas dapat menambah baik sahsiah diri dan kualiti kehidupan, serta memudahkan pengurusan aktiviti harian murid. Jika diberi pendedahan yang tepat, mereka mampu bersaing dengan rakan murid yang normal. Inovasi berkaitan dengan persekitaran sekolah bukan sahaja memudahkan pengurusan dan meringankan beban pendidikan sepanjang proses pembelajaran di sekolah, malah dapat mewujudkan persekitaran yang mesra kepada murid kelainan upaya ini. Hal ini akan dapat melahirkan murid yang sentiasa berfikir dan berani menghadapi cabaran.

Dipetik dan diubah suai daripada  
 Inovasi Kreatif Memacu Kejayaan Pendidikan Khas  
 Oleh Hayati Adlin Mohd Abdul Majid  
*Dewan Siswa, Bil 1/2019*  
 [8 markah]

**CONTOH 2**

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **tiga kata majmuk**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Sebagai warganegara Malaysia, tugas menghormati institusi raja Melayu sememangnya terletak pada bahu mereka. Dalam kalangan generasi muda, lima prinsip Rukun Negara telah diterapkan sejak bangku sekolah demi membentuk jati diri mereka. Namun demikian terdapat segelintir rakyat yang telah memuat naik kata-kata yang menghina institusi tersebut melalui laman sosial. Oleh itu, hukuman yang lebih berat perlu dikenakan terhadap pihak yang terlibat kerana setiap rakyat Malaysia perlu akur bahawa kesetiaan kepada raja dan negara ialah tanggungjawab kita bersama.

Dipetik dan diubah suai daripada  
 Kesetiaan Kepada Raja dan Negara  
 oleh Nurul Muhaminah  
*Dewan Masyarakat, Bil 2/2017*  
 [6 markah]



**CONTOH ITEM : SINTAKSIS**

**CONTOH 1**

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat bersusunan biasa** yang bergaris kepada **ayat bersusunan songsang** tanpa mengubah maksud asalnya.*

Bidang keusahawanan wajar diterokai oleh golongan remaja. Bidang ini dapat mendidik remaja menjadi lebih berdaya kreatif. Sesungguhnya amat luas ruang bagi golongan remaja menceburi bidang ini. Remaja yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi juga boleh menceburi bidang tersebut. Oleh hal yang demikian para remaja yang berminat dalam bidang ini tidak mempunyai masalah untuk mengikuti kursus dan latihan keusahawanan. Ibu bapa perlu memberikan sokongan kepada anak-anak yang berminat dalam bidang ini.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Ayuh, Jadilah Usahawan!  
Oleh Syed Mahadzir bin Syed Ibrahim  
*Dewan Siswa, Bil 7/2019*

[6 markah]

**CONTOH 2**

*Berdasarkan petikan di bawah, **bina enam ayat tanya** yang lengkap dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan frasa yang berhuruf condong.*

Perhimpunan rasmi biasanya dijalankan *di dewan sekolah* pada hari pertama persekolahan *setiap minggu*. *Semua guru dan murid* diwajibkan menghadiri perhimpunan rasmi. *Perhimpunan rasmi sekolah* dapat memupuk disiplin dalam kalangan murid. Perhimpunan ini dapat menanam semangat patriotik *melalui nyanyian lagu Negaraku*. Para guru dan murid wajib berdiri tegak ketika menyanyikan lagu kebangsaan. Selain itu, perhimpunan rasmi diadakan untuk membudayakan *kemahiran mencatat dan kemahiran mendengar ketika guru menyampaikan amanat*.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Manfaat Perhimpunan Sekolah terhadap Pelajar  
oleh Teo Eileen  
*Dewan Siswa, Bil 12/2018*

[6 markah]

**CONTOH 3**

*Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti dan tulis subjek dan predikat yang lengkap bagi **tiga ayat** yang anda pilih seperti yang berikut:*

*Subjek* : \_\_\_\_\_  
*Predikat* : \_\_\_\_\_

Malaysia merupakan destinasi pelancongan tropika yang indah dan sangat berpotensi di Asia. Industri pelancongan ini menjadi suatu bidang pelaburan bijak yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi negara. Industri-industri lain pula berperanan sebagai wahana dalam pembangunan mega Malaysia menuju negara maju dalam abad ini. Potensi industri pelancongan sebagai penjana ekonomi baru negara hanya dapat direalisasikan jika usaha membangunkan industri pelancongan diberi penekanan yang sewajarnya.

Dipetik dan diubah suai daripada  
 Industri Pelancongan Di Malaysia  
 tourismahmadzamani.wordpress.com

[6 markah]

**CONTOH ITEM : PENYUNTINGAN**

*Dalam petikan 1, terdapat enam kesalahan bahasa manakala petikan 2 terdapat lima kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

**CONTOH 1**

**Petikan 1**

Pada era globalisasi ini, pelbagai jenis kenderaan yang moden telah mencipta bagi menggantikan kenderaan konvensional sebagai pengangkutan awam. Pengangkutan awam yang moden itu pula mampu memainkan tugas yang penting kepada sesebuah negara untuk mencapai kemajuan kerana sistem pengangkutan yang baik mampu menggerak ekonomi negara. Di antara contoh kenderaan awam ialah monorel, komuter, bas, teksi dan kapal terbang.

[6 markah]



**Petikan 2**

- Munirah : Selamat pagi Doktor Aidil. Terima kasih kerana sudi menghabiskan masa untuk diwawancara pagi ini.
- Doktor Aidil : Selamat pagi.
- Munirah : Saya Munirah daripada Kelab Majalah Intan SMK Cempaka, ingin mewawancarakan doktor berkaitan cara-cara untuk mengamalkan gaya hidup sihat. Doktor, apakah yang dimaksudkan dengan amalan gaya hidup sihat?
- Doktor Aidil : Gaya hidup sihat merupakan satu amalan yang kita perlu lakukan bagi mewujudkan kehidupan yang selesa dan terhindar daripada pelbagai penyakit. Dalam hal ini, seseorang hendaklah mengamalkan pemakanan yang seimbang, melakukan senaman setiap hari dan menjaga persekitaran untuk sentiasa bersih.
- Munirah : Terima kasih doktor di atas penerangan tentang gaya hidup sihat itu.
- Doktor Aidil : Sama-sama.

[5 markah]

**CONTOH 2**

*Petikan di bawah mengandungi **tiga belas kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga belas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Campur tangan di Perak bermula akibat masalah perlumbaan takhta kerajaan Perak antara Sultan Abdullah dan Sultan Ismail. Sultan Abdullah telah bertindak dengan cuba meminta tolong dan sokongan daripada pihak British. Perjanjian Pangkor berjaya ditandatangani pada 20 Januari 1874 dan Sultan Abdullah dilantik sebagai Sultan Perak. Kesannya Sistem Residen diperkenal oleh pihak British yang kononnya bertindak sebagai penasihat kepada Sultan Perak di dalam urusan pentadbiran negeri.

Residen pertama yang pihak British lantik untuk menjawat jawatan residen ialah JWW Birch. Sir Andrew Clark menyatakan bahawa Birch merupakan calun yang paling layak kerana beliau pernah bertugas sebagai pegawai British di Ceylon sebelum ini. Malangnya, kemasukan Birch di Perak sebagai residen tidak di senangi dalam kalangan orang Melayu. Hal ini berpunca daripada pertukaran yang dilakukan oleh beliau di Perak seperti isu dihambakan dan peraturan tanah.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Perancangan Pembunuhan JWW Birch  
oleh Wan Mohd Rahimi Rahim  
*Dewan Siswa, Januari 2016*

[13 markah]

**CONTOH ITEM : BAHASA MELAYU STANDARD**

*Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka baginda pun hairan serta bertitah pada Temenggung, “Hai Temenggung, tiadakah menyuruhkan orangnya berkawal tadi?”

Maka sembah Temenggung, “Daulat tuanku Syah Alam, patik menyuruh orang berkawal semalam tadi, seorang pun tak bertemu. Patik hamba itu pun hairanlah akan penjurit itu.”

Maka titah baginda, “Apatah sebabnya maka dapat dicurinya oleh penjurit itu?”

Dipetik daripada  
Kepimpinan Melalui Teladan  
dalam Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

**CONTOH ITEM : PERIBAHASA**

**CONTOH 1**

*Dialog di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **dua** peribahasa sahaja, kemudian berikan **peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud** dengan peribahasa tersebut.*

- Datuk Ismail : Kamal, kawasan perumahan kita akan mengadakan gotong-royong pada hari Sabtu ini. Kamu datang, ya. Ajak anak-anak sama.
- Kamal : Maafiah Datuk. Saya ada hal lain.
- Datuk Ismail : Sebagai penduduk, kita mesti saling bekerjasama untuk menjaga kawasan perumahan kita kerana berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Barulah tugas yang dilakukan itu dapat diselesaikan dengan cepat dan berkesan.
- Kamal : Betul, Datuk. Saya setuju bahawa kita saling memerlukan seperti aur dengan tebing dalam hidup bermasyarakat. Tapi kami sekeluarga akan pergi menziarahi kakak saya yang sakit di hospital pada hari Sabtu ini. Suaminya pun baru sahaja meninggal dunia
- Datuk Ismail : Oh, saya bersimpati atas penderitaan yang ditanggung oleh kakak awak, sudah jatuh ditimpa tangga.

[4 markah]

**CONTOH 2**

*Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.*

“Dahlah emak dan ayah saya sakit, sampai hati Mak Liah pula buat saya begini. Saya sudah berusaha sedaya upaya untuk membantu anaknya dalam pelajaran, tetapi dia bukan sahaja tidak menghargai pertolongan saya, malah menuduh saya tidak pandai mengajar anaknya,” luah Hasnun dengan nada sedih.

“Bersabarlah Hasnun,” pujuk Syafik kepada rakan karibnya yang bukan sahaja emaknya dirawat di hospital, malah ayahnya juga ditahan di hospital kerana mengalami keracunan makanan. “Jangan fikirkan sangat cakap Mak Liah itu. Perkara penting yang harus kamu utamakan sekarang ialah teruskan usaha supaya cita-cita kamu tercapai,” nasihat Syafik.

[6 markah]



**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**

[35 Markah]

**CONTOH ITEM : PETIKAN UMUM**

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bahan 1**

Teknik Meja Bulat antara strategi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) abad ke-21 yang dapat digunakan dalam semua mata pelajaran khususnya dalam kemahiran menulis. Teknik ini bermaksud murid perlu duduk dalam kumpulan. Guru akan mengedarkan kertas kepada setiap ahli dalam kumpulan dan memberikan satu tajuk kepada mereka. Secara bergilir-gilir setiap ahli kumpulan mencatat idea menggunakan pen dan kertas yang sama. Hasil dapatan murid akan dibentangkan untuk dibincangkan di dalam kelas.

Menurut Kagan (1990) teknik Meja Bulat merupakan teknik yang sederhana dalam pembelajaran koperatif. Walau bagaimanapun teknik ini kurang popular dalam kalangan guru kerana bilangan pelajar yang ramai dalam sesebuah kelas dan ruang bilik darjah yang terhad. Oleh itu, pihak sekolah seharusnya sentiasa menggalakkan pelaksanaan pelbagai kaedah dalam PdPc kerana aktiviti yang dijalankan itu memberikan banyak faedah kepada murid.

Dipetik dan diubah suai daripada  
 ‘Teknik Meja Bulat Untuk Kemahiran Menulis’  
 oleh Nabiha Yusof,  
*Pelita Bahasa Bil 7/2019*  
 Dewan Bahasa dan Pustaka

**Bahan 2**

Pada hari ini, aktiviti permainan bahasa kurang dipraktikkan di dalam bilik darjah. Antara alasan yang diberikan adalah seperti tiada ruang di dalam bilik darjah dan ketiadaan alat serta bahan yang berkaitan. Dalam konteks penghasilan produk pengajaran dan pembelajaran inovasi, permainan bahasa ini sebenarnya *cukup penting* jika kita mengambil kira murid yang lambat menerima pengajaran dan pembelajaran bahasa di kelas.

Antara aktiviti dalam permainan bahasa termasuklah kata bersilang, teka sinonim, teka silang kata, sisip vokal, lingkaran kata, silang sinonim, teka teki bentuk kata, sisip suku kata, jejak kata, ganda huruf, delapan kata, awal kata dan atur sinonim. Aktiviti-aktiviti ini sesuai digunakan pada semua peringkat pembelajaran bahasa iaitu daripada peringkat sekolah rendah hingga peringkat sekolah menengah.

Dipetik dan diubah suai daripada  
 ‘Permainan Bahasa dalam Pengajaran’  
 oleh Hasan Baseri Budiman,  
*Pelita Bahasa Bil 10,2017*  
 Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *cukup penting*. [2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan **persamaan dan perbezaan** faktor yang menyebabkan kaedah pembelajaran teknik Meja Bulat dan Permainan Bahasa kurang dipraktikkan di dalam kelas. [3 markah]
- (iii) Aktiviti-aktiviti yang dijalankan melalui kaedah pembelajaran abad ke-21 banyak memberikan faedah kepada murid.  
 Pada pendapat anda, apakah faedah-faedah tersebut? [3 markah]
- (iv) Kumpulan anda diminta untuk menyiapkan tugas oleh guru anda dengan menggunakan teknik permainan bahasa pada masa yang ditetapkan. Namun, tugas tersebut tidak berjaya diselesaikan.  
 Sekiranya kumpulan anda diberikan peluang kedua untuk menyiapkan tugas yang sama dalam masa yang ditetapkan, cadangkan langkah-langkah untuk memastikan tugas tersebut dapat diselesaikan. [4 markah]

**CONTOH ITEM : PETIKAN SASTERA**

*Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

**Rintihan Bumi**

Usia aku semakin lanjut  
 Kalau aku terbujur  
 Adakah yang ingin menjagaku  
 Aku semakin tua  
 Sudah terlalu uzur aku memelihara  
 Anak-anakku – manusia.

Setiap hari aku berdoa agar anak-anakku  
***Menjaga adab***  
 Aku banyak kali menegur  
 Tetapi mereka tidak juga berubah  
 Aku hanya mampu menangis sehingga banjir  
 Aku pukul mereka dengan Tsunami  
 Tetapi mereka tidak menerima teguran itu untuk berubah.

Akhirnya apabila aku geram  
 Tuhan perintahkan aku menggoncang badan aku  
 Gempa maha dahsyat berlaku  
 Sehingakan aku demam, mereka tetap terus  
 Mencabut pokok-pokokku  
 Apabila aku geram, keluarlah taufan tetapi mereka  
 Tetap tidak berubah.

**Muhd. Syazwan Sahlan**  
 Sungai Buluh, Selangor.  
*Dewan Siswa, Bil. 1 2018*





**Bahan 2**

“Demi malar hijau yang kamu cintai, kamu perlu belajar. Hutan ini memerlukan kamu.”

“Apa maksud cikgu?”

“Tidakkah kamu tahu bahawa di seluruh dunia, hutan diancam aktiviti pembalakan. Sindiket yang gila akan duit menceroboh dan membunuh fauna dan flora di kawasan hutan simpan. Bukan sahaja di Malaysia, malah hutan malar hijau di Lembangan Amazon juga terancam.”

“Pohon-pohon tembusu padang, meranti seraya, dan meranti tembaga di kawasan simpan, 20 km dari sini sudah tiada lagi cikgu,” kata Daneng terputus-putus. Suaranya ditenggelami kekecewaan yang pedih. “Apakah yang dapat saya lakukan. Apabila tiba di sana, mereka sudah tiada, pokok-pokok ini juga sudah tiada.”

“Sebab itulah kamu harus belajar, Daneng. Mungkin kamu dapat menjadi pegawai perhutanan negara, dan melaksanakan satu rancangan yang lebih agresif untuk membanteras kelompok musuh ini, atau kamu dapat menjadi saintis, mencipta sesuatu yang dapat menggantikan tempat kayu. Barulah hutan akan terselamat. Masa depan pohon tualang pujaanmu juga akan terjamin,” hujah Jo.

Dipetik daripada cerpen ‘Lambaian Malar Hijau’  
oleh Seroja Theavy a/p Balakrishnan  
antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka

**Bahan 3**

**PANTUN SAYANGI ALAM**

Cerah dian di malam gelita,  
Diserikan embun dibawa deru;  
Indah nian negara tercinta,  
Daun merimbun laut membiru.

Tumbuh pegaga di tanah rata,  
Penuh kawasan luas terbentang;  
Mari dijaga alam semesta,  
Jadi warisan generasi mendatang.

Tercalit ranah di atas pelantar,  
Sapu ke tepi cemar tak berubah;  
Andai musnah alam sekitar,  
Bersedia hadapi segala musibah.

Di hujung desa tumbuh halban,  
Kian tenggelam dilitupi lalang;  
Harta binasa nyawa terkorban,  
Keindahan alam turut hilang.

*Nor Hafuza Arif,  
Shah Alam*

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *menjaga adab*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan kesan-kesan kemusnahan alam sekitar akibat aktiviti manusia. [4 markah]
- (iii) Alam sekitar sangat penting dalam kehidupan manusia dan menjadi tanggungjawab bersama untuk memuliharanya.

Pada pendapat anda, apakah kepentingan-kepentingan memulihara hutan di negara ini? [3 markah]

- (iv) Pada suatu petang, anda sedang memancing ikan di sebatang sungai yang jernih, tiba-tiba anda ternampak tiga orang pemuda yang sedang mengangkut beberapa buah tong yang mengandungi cecair. Mereka mencurahkan cecair tersebut ke dalam sungai. Setelah mereka beredar, anda mendapati warna air sungai semakin keruh dan kelihatan beberapa ekor ikan mulai terapung. Anda yakin bahawa cecair tersebut ialah sisa toksik.

Sebagai rakyat yang prihatin, bagaimanakah anda dapat membantu untuk mengatasi masalah ini? [4 markah]



**CONTOH ITEM : NOVEL**

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

“Tentulah tidak,” balas Muhammad Taufik, nadanya tenang sahaja.

“Saya telah memutuskan bahawa kelip-kelip di Kuala Selangor berada di ambang kepupusan. Kedatangan pelancong yang ramai, hampir 100 ribu orang pada setiap tahun, dengan semua entiti yang datang bersama mereka seperti suara manusia, bunyi enjin motobot, cahaya lampu di jeti, pencemaran air sungai yang mengancam pokok-pokok berembang, pemusnahan kawasan paya bakau, cahaya dari kawasan petempatan manusia, dan cahaya roda *ferris*, semuanya membawa ancaman kepada populasi kelip-kelip. Kelip-kelip ini, yang telah wujud jutaan tahun di tempat ini dan tidak pernah mendatangkan sebarang kesusahan kepada manusia di sini akan mengalami kepupusan dalam masa setahun sahaja jika keadaan sedia ada berterusan.

Dipetik daripada  
Novel Bimasakti Menari  
Karya Sri Rahayu Mohd Yusop  
*Kementerian Pendidikan Malaysia*

Nyatakan faktor-faktor populasi kelip-kelip di Kuala Selangor semakin berkurangan.

[4 markah]

- (ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- e) Songket Bebenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- f) Tirani, karya Beb Sabariah
- g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
- h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, jelaskan sebab-sebab permulaan cerita tersebut menarik perhatian pembaca.

[6 markah]

**BAHAGIAN C : RUMUSAN****[30 Markah]****CONTOH ITEM : RUMUSAN****CONTOH 1****Bahan 1 – Petikan**

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Setiap tahun Malaysia meraikan Hari Kebangsaan. Diam tidak diam sudah lebih separuh abad negara kita terlepas daripada cengkaman penjajah. Menjadi rutin tahunan, menjelang sahaja bulan Ogos atau juga dikenali bulan kebangsaan, agensi atau kementerian yang berkenaan akan mula menjalankan Kempen Kibarkan Jalur Gemilang sebagai usaha untuk meningkatkan semangat patriotik. Program-program yang bercorak kenegaraan seperti pertandingan nyanyian lagu patriotik dan pementasan teater drama juga dianjurkan oleh badan bukan kerajaan (NGO), pihak sekolah dan agensi-agensi kerajaan supaya mesej semangat cinta akan negara sampai kepada golongan sasaran. Namun, program-program tersebut kurang berjaya dalam mencapai matlamatnya kerana kurangnya penghayatan para remaja dalam aktiviti bercorak kemerdekaan tersebut.

Perkara yang menjadi kebimbangan banyak pihak ialah generasi muda tidak mengambil endah tentang hari kebangsaan. Mereka sewajarnya menghayati erti kemerdekaan dengan mendalam. Sebagai generasi muda yang bertanggungjawab mereka berperanan untuk membina kejayaan negara iaitu sanggup bekerja keras untuk negara. Mereka juga perlu mementingkan kecemerlangan dalam pendidikan. Hal ini demikian kerana pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju.

Tanggungjawab lain yang perlu dilakukan oleh generasi muda ialah mereka perlu membantu pihak kerajaan untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana keamanan dapat mengelakkan negara daripada serangan musuh sama ada berbentuk fizikal atau psikologi. Tambahan pula, tugas generasi muda adalah untuk memastikan Malaysia akan terus berpegang pada konsep keadilan dan kesaksamaan. Dengan ini, semua rakyat dapat menikmati kemakmuran dan kemajuan bersama-sama. Selain itu, generasi muda yang akan mengisi perjuangan kemerdekaan hendaklah memastikan prinsip demokrasi akan terus diamalkan oleh setiap rakyat di negara ini. Sesungguhnya kejayaan negara dalam fasa kedua 58 tahun kemerdekaan memerlukan komitmen semua pihak terutama generasi muda.

Dipetik dan diubah suai daripada  
‘Di manakah Semangat Patriotisme Kita’  
*Dewan Siswa, Ogos 2015*

Bahan 2 - Grafik



## CONTOH 2

*Baca petikan dan sajak di bawah dengan teliti, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan sajak.*

### Bahan 1 – Petikan

Permainan tradisional dikenali juga sebagai permainan rakyat yang dipusakai daripada generasi terdahulu. Bentuk permainan rakyat yang berseni ini merupakan salah satu daripada identiti negara yang patut dipelihara demi kepentingan generasi pada masa hadapan. Contoh permainan tradisional ialah bermain guli, batu seremban, congkak, kaki gajah dan galah panjang. Antara permainan tersebut, congkak merupakan permainan tradisional yang paling popular. Walau bagaimanapun, perubahan teknologi telah mencipta pelbagai jenis permainan digital yang menjejaskan minat generasi baharu terhadap permainan tradisional, termasuklah permainan congkak.

Sekiranya diperhalusi, permainan congkak yang menetapkan dua orang pemain dalam satu permainan membolehkan semangat setia kawan dizahirkan yang menjadi asas kepada kerukunan hidup bermasyarakat. Di samping itu, permainan congkak dalam kalangan masyarakat terdahulu berupaya mencerdaskan ketajaman akal. Hal ini berkaitan dengan perkataan congkak itu sendiri membawa maksud pengiraan. Kemahiran pengiraan ditekankan melalui mengira mata membuktikan bahawa generasi dahulu sudah didedahkan dengan ilmu matematik. Permainan congkak juga mampu dijadikan sebagai riadah yang menyeronokkan. Permainan ini boleh mengelakkan seseorang itu daripada melakukan aktiviti yang tidak berfaedah.

Selain itu, permainan congkak yang mempunyai tujuh lubang sebaris dan dua lubang ibu yang dipanggil “kampung” terletak di hujung papan. Lubang ibu tersebut mestilah diisi dengan buah sebanyak mungkin untuk mencapai kemenangan. Secara tidak langsung, permainan congkak menekankan nilai kejujuran apabila pemain mematuhi peraturan permainan tanpa melakukan penipuan walaupun berkeinginan untuk memenangi pertandingan tersebut. Kegagalan generasi muda memahami falsafah ini dalam permainan congkak menyebabkan minat mereka semakin hilang. Tambahan pula, sesetengah ibu bapa pada hari ini menganggap bahawa setiap permainan tradisional termasuk congkak boleh menjejaskan masa belajar anak-anak mereka. Alangkah ruginya jika warisan dan budaya tinggalan nenek moyang tidak lagi dihargai sehingga hilang dalam arus peredaran masa.

Dipetik dan diubah suai daripada  
‘Memugar Permainan Tradisional,’  
Oleh Nazri Hussein,  
*Dewan Budaya, Bil. 3/2019*



**Bahan 2 – Sajak****GADIS-GADIS YANG BERSIMPUH DI BERANDA**

Semilir angin petang membawa simfoni damai  
melodi syahdu dirasakan penuh harmoni  
ayu busana dan senyuman lirik kesantunan  
gadis-gadis yang bersimpuh di beranda  
bermain congkak warisan bonda.

Jari-jemari mengatur buah-buah congkak  
bagai lenggang gemalai  
di medan persaingan yang menuntut ketekunan  
andaiannya menjangkau jauh ke hadapan  
menang tidak pernah sombong diri  
kalah tiada terlintas rasa iri.

Gadis-gadis yang bersimpuh di beranda  
bermain congkak warisan bonda  
melestari seni budaya dalam utuh  
maruah moyang tercinta  
tanpa gundah diri dicerca mundurnya minda.

**M. Arif**

Jalan Munsyi Abdullah, Melaka

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
MULAI TAHUN 2021**

**BAHASA MELAYU  
(1103)**

**CONTOH-CONTOH ITEM**

**1103/3 – BAHASA MELAYU KERTAS 3  
(UJIAN BERTUTUR)**





**BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU**

[ 40 markah ]

**CONTOH 1**

**NASKHAH CALON**

*Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**AMALAN RUMAH TERBUKA**



Amalan mengadakan rumah terbuka menjadi satu budaya di Malaysia sejak sekian lama. Acara itu diadakan secara besar-besaran sebagai simbol perpaduan dan keharmonian yang masih mekar di Malaysia. Konsep rumah terbuka yang diadakan secara besar-besaran itu hanya dilakukan oleh rakyat Malaysia dan tidak di negara-negara lain. Rakyat pelbagai kaum mengambil peluang bersama-sama menyambut Hari Raya, Deepavali, Krismas, Tahun Baru Cina, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai. Pada masa tersebut rakyat berbilang kaum akan mengetepikan perbezaan agama dan budaya untuk bersama-sama meraikannya sebagai tanda hormat dan toleransi terhadap kepercayaan masyarakat majmuk di negara ini. Secara tidak langsung, majlis rumah terbuka ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan masyarakat.

## AMALAN RUMAH TERBUKA



Amalan mengadakan rumah terbuka menjadi satu budaya di Malaysia sejak sekian lama. Acara itu diadakan secara besar-besaran sebagai simbol perpaduan dan keharmonian yang masih mekar di Malaysia. Konsep rumah terbuka yang diadakan secara besar-besaran itu hanya dilakukan oleh rakyat Malaysia dan tidak di negara-negara lain. Rakyat pelbagai kaum mengambil peluang bersama-sama menyambut Hari Raya, Deepavali, Krismas, Tahun Baru Cina, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai. Pada masa tersebut rakyat berbilang kaum akan mengetepikan perbezaan agama dan budaya untuk bersama-sama meraikannya sebagai tanda hormat dan toleransi terhadap kepercayaan masyarakat majmuk di negara ini. Secara tidak langsung, majlis rumah terbuka ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan masyarakat.

### SOALAN RANGSANGAN

1. Gambarkan amalan rumah terbuka yang telah anda baca.
2. Ceritakan perayaan yang anda sambut.
3. Berdasarkan pengetahuan anda, bagaimanakah amalan rumah terbuka dapat mengukuhkan perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat Malaysia?
4. Amalan rumah terbuka boleh diketengahkan sebagai produk pelancongan negara. Berikan ulasan anda.

## CONTOH 2

*Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

## INDUSTRI PELANCONGAN



Sektor pelancongan telah diiktiraf sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dalam usaha memasarkan jenama Malaysia sebagai destinasi pelancongan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia telah mempromosikan produk pelancongan kepada warga dunia. Penganjuran acara “Malaysian Kitchen” di kota London bertujuan memperkenalkan kepelbagaian makanan tempatan kepada warga Britain. Acara ini didapati telah mendapat sambutan yang hangat daripada warganegara berkenaan. Selain itu, Kementerian Pelancongan juga aktif menyertai pameran-pameran pelancongan terutama di pasaran baharu yang berpotensi besar seperti negara-negara Timur Tengah dan Eropah Timur. Tuntasnya, promosi yang telah diatur sudah pasti akan merancakkan sektor pelancongan di Malaysia.

**NASKHAH PENTAKSIR**

*Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**INDUSTRI PELANCONGAN**



Sektor pelancongan telah diiktiraf sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dalam usaha memasarkan jenama Malaysia sebagai destinasi pelancongan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia telah mempromosikan produk pelancongan kepada warga dunia. Penganjuran acara “Malaysian Kitchen” di kota London bertujuan memperkenalkan kepelbagaian makanan tempatan kepada warga Britain. Acara ini didapati telah mendapat sambutan yang hangat daripada warganegara berkenaan. Selain itu, Kementerian Pelancongan juga aktif menyertai pameran-pameran pelancongan terutama di pasaran baharu yang berpotensi besar seperti negara-negara Timur Tengah dan Eropah Timur. Tuntasnya, promosi yang telah diatur sudah pasti akan merancakkan sektor pelancongan di Malaysia.

**SOALAN RANGSANGAN**

1. Nyatakan kementerian yang bertanggungjawab mempromosikan jenama Malaysia di mata dunia.
2. Apakah tujuan “Malaysian Kitchen” dianjurkan di kota London?
3. Senaraikan tempat-tempat menarik yang terdapat di Malaysia.
4. Cadangkan beberapa faktor yang mampu menarik rakyat negara ini dan pelancong asing melancong di Malaysia.

**BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN**

[ 30 markah ]

**CONTOH 1**

**NASKHAH CALON**

Banyak faktor yang menyebabkan remaja pada hari ini kurang melibatkan diri dalam aktiviti komuniti dan kemasyarakatan seperti bergotong-royong, menyertai badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan khidmat sosial.  
Ulaskan pernyataan tersebut.

**NASKHAH PENTAKSIR**

Tema : Jati diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

Banyak faktor yang menyebabkan remaja pada hari ini kurang melibatkan diri dalam aktiviti komuniti dan kemasyarakatan seperti bergotong-royong, menyertai badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan khidmat sosial.

Ulaskan pernyataan tersebut.



## CONTOH 2

**NASKHAH CALON**

Dasar 1Murid 1Sukan telah dilaksanakan di sekolah-sekolah seluruh negara untuk memastikan setiap murid diberikan peluang melibatkan diri dalam aktiviti sukan sama ada pada peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan. Dasar ini telah banyak memberikan faedah kepada semua murid.

Bincangkan.

**NASKHAH PENTAKSIR**

## Tema : Sukan dan Rekreasi

Dasar 1 Murid 1 Sukan telah dilaksanakan di sekolah-sekolah seluruh negara untuk memastikan setiap murid diberikan peluang melibatkan diri dalam aktiviti sukan sama ada pada peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan. Dasar ini telah banyak memberikan faedah kepada semua murid.

Bincangkan.



**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
MULAI TAHUN 2021**

**BAHASA MELAYU  
(1103)**

**CONTOH-CONTOH ITEM**

**1103/4 – BAHASA MELAYU KERTAS 4  
(UJIAN MENDENGAR)**



**UJIAN MENDENGAR****[ 30 markah ]****CONTOH BAHAN AUDIO****CONTOH 1**

*Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.*

*Dengar petikan cerpen berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.*

**Cerpen Kasut Kelopak Jantung**

“Kasut sekolah tak pakai, baju sukan tak bawa! Apa nak jadi dengan kamu ini?” leter Cikgu Harun setelah melihat Ahmad hanya diam membatu.

Tiba-tiba Cikgu Harun terpandang rumpun pisang merimbun di tepi pagar sekolah. Di bawahnya bertaburan kelopak jantung yang gugur. Besar-besar dan berwarna merah hati. Cikgu Harun memungut kelopak jantung itu lalu kembali ke tempat Ahmad sedang berdiri. Seperti menanti hukuman gurunya.

“Pergi cari tali!” arah Cikgu Harun kepada Ahmad. Murid itu tidak berkata apa-apa. Dia terus beredar ke arah kantin sekolah. Sebentar kemudian dia kembali dengan seutas tali rafia berwarna merah.

“Kamu pakai benda ini. Ikat elok-elok!” Cikgu Harun memberikan perintah. Jarinya dituding tepat ke arah kelopak jantung pisang. Ahmad memandang kosong ke wajah Cikgu Harun seperti mahu meminta simpati.

“Jangan buka kasut ini selagi kamu tidak beli kasut baru!” Cikgu Harun memberikan amaran. Ada sedikit perasaan lucu di dalam hati Cikgu Harun melihat anak murid yang tidak dikenali latar belakang itu. Kadang-kadang dilihatnya Ahmad seperti lurus bendul. Dia tidak pernah membantah kata-kata guru. Katalah apa sahaja, dia tetap patuh tanpa banyak soal. Jauh sekali ponteng sekolah. Walaupun berkaki ayam, Ahmad tidak pernah ponteng. Itulah kelebihan Ahmad. Kegigihannya memang ketara. Cikgu Harun turut menyedarinya.

*Anda diberi masa tiga puluh saat untuk menyemak jawapan.*

*Petikan cerpen akan dibaca sekali lagi.*

*Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.*

*Dengar maklumat berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.*

**Petikan yang sama diperdengarkan(Petikan Cerpen)**

*Anda diberi masa tiga puluh saat untuk menyemak jawapan.*



**CONTOH ITEM (PETIKAN CERPEN)**

*Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan cerpen yang diperdengarkan*

1. Nyatakan **satu** tindakan Ahmad yang menyebabkan Cikgu Harun marah. [2 markah]

.....

2. Nyatakan sifat kelopak jantung yang gugur bertaburan. [1 markah]

i	besar - besar
ii	.....

3. Apakah tujuan Cikgu Harun menyuruh Ahmad mencari tali rafia? [2 markah]

.....

4. Apakah nilai murni yang dimiliki oleh watak Ahmad? [2 markah]

.....

*Bulatkan jawapan yang betul bagi soalan 5.*

5. Berikut merupakan perwatakan Ahmad kecuai
- A. gigih
  - B. penyayang
  - C. taat kepada guru
  - D. tidak pernah ponteng sekolah
- [1 markah]



## CONTOH 2

*Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.*

*Dengar petikan syarahan berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.*

### **Faedah Membaca Buku**

Salam sejahtera saya ucapkan kepada yang dihormati Tuan Pengerusi Majlis, Tuan Pengetua, para hakim, guru-guru dan rakan seperjuangan yang dihormati. Syarahan yang ingin saya sampaikan pada hari ini bertajuk ‘Faedah Membaca Buku’.

Hadirin yang dihormati,

Membaca merupakan satu amalan yang dapat memanfaatkan diri kita. Amalan ini harus diamalkan setiap hari kerana dengan membaca kita dapat menambah pengetahuan tentang sesuatu perkara yang tidak kita ketahui. Oleh itu, kita tidaklah dianggap seperti katak di bawah tempurung. Selain itu, kita dapat membaiki dan menguasai kemahiran berbahasa kita menerusi amalan membaca buku. Dalam aspek bahasa, perbendaharaan kata kita akan bertambah dan penguasaan kata menjadi lebih kukuh. Dengan adanya amalan membaca ini, masa lapang kita boleh diisi dengan aktiviti yang berfaedah.

Selain mendapat pengetahuan baharu, kita juga dapat mengelakkan diri daripada terlibat dengan gejala negatif. Akhir sekali, membaca akan membantu kita menilai dan membezakan sesuatu perkara sama ada baik atau buruk. Apabila kita banyak membaca, orang lain tidak dapat memperdaya kita kerana kita serba tahu. Kesimpulannya, membaca sememangnya memberikan banyak faedah kepada kita. Oleh itu, amalan ini perlulah dipupuk sejak kecil lagi.

Sekian, terima kasih.

*Anda diberi masa tiga puluh saat untuk menyemak jawapan.*

*Petikan syarahan akan dibaca sekali lagi.*

*Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.*

*Dengar maklumat berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.*

### **Petikan yang sama diperdengarkan(Petikan Syarahan)**

*Anda diberi masa tiga puluh saat untuk menyemak jawapan.*



**CONTOH ITEM (PETIKAN SYARAHAN)**

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan syarahan yang diperdengarkan.

Bulatkan jawapan yang betul bagi **soalan 1**.

1. Peserta menyampaikan ucapan salam dan kata alu-aluan kepada pendengar berikut **kecuali**,
  - A. pengetua
  - B. para hakim
  - C. guru-guru
  - D. ibu bapa

[1 markah]
  
2. Nyatakan peribahasa yang terdapat dalam petikan syarahan tersebut?
 

[2 markah]


.....
  
3. Selain menambahkan perbendaharaan kata, apakah faedah lain amalan membaca dalam aspek bahasa?
 

[2 markah]

.....

Bulatkan jawapan yang betul bagi **soalan 6**.

4. Lengkapkan ruang kosong berkenaan **format syarahan**.



- A. Kata sapaan
  - B. Kata alu-aluan
  - C. Kata penghadap
  - D. Kata panggilan hormat
- [1 markah]





Lembaga Peperiksaan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

@ 2020 Hak Cipta Kerajaan Malaysia